

11/09/1999

Pendekatan baru bantu Bumiputera (HL)

b

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan merangka pendekatan yang lebih pragmatik menjelang alaf baru bagi membantu memulihkan semula ekonomi Bumiputera yang musnah berikutan kegawatan ekonomi.

Perdana Menteri berkata, pendekatan baru itu juga bertujuan membantu mengimbangi kedudukan ekonomi antara kaum di negara ini dan memastikan matlamat untuk mengagihkan 30 peratus kekayaan negara kepada Bumiputera tercapai.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan dengan kerjasama Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) akan menjalankan kajian menyeluruh bagi mengetahui kedudukan sebenar Bumiputera dalam sektor perniagaan dan perdagangan selepas kegawatan ekonomi bagi mengenal pasti kaedah terbaik untuk menangannya.

Dr Mahathir berkata demikian dalam ucaptamanya di Kongres Ekonomi Bumiputera Keempat (KEB-4) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Kongres itu yang dianjurkan Kementerian Pembangunan Usahawan dan DPMM, dihadiri kira-kira 1,000 peserta. Hadir sama, Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamad dan Presiden DPMM, Tan Sri Tajudin Ramli.

Perdana turut mengadakan dialog hampir sejam dengan peserta. KEB-4 antara lain bertujuan menilai prestasi pencapaian Bumiputera sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang kemudian diganti dengan Dasar Pembangunan Negara (DPN) dan merangka hala tuju serta pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang bagi pembangunan Bumiputera.

Dr Mahathir berkata, pendekatan baru itu nanti akan turut mengambil kira nasib Bumiputera berikutan tekanan globalisasi yang dianggapnya sebagai cabaran paling besar pada abad baru.

Ini, katanya, kerana dasar ekonomi terbuka membolehkan orang asing bebas berniaga dan tanpa sekatan di mana-mana negara berikutan peraturan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

"Saya yakin kongres ini akan mendapat banyak maklumat yang akan membantu kerajaan membentuk pendekatan yang boleh memulihkan semula kedudukan Bumiputera dalam bidang ekonomi.

"Usaha ini tidak mudah kerana ketika kita mengejar kemajuan di dalam negara, kita juga terpaksa menghadapi alaf baru yang berkaitan dengan globalisasi yang tidak lagi mengenal sempadan. Ini adalah cabaran yang amat besar terhadap kita," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun yakin kerajaan dapat meneruskan usaha bagi memastikan Bumiputera memiliki kekayaan negara dengan peratusan yang lebih tinggi berbanding cuma 20 peratus yang dicapai pada akhir tempoh DEB pada 1990.

"Matlamat kita ialah untuk mendapat 30 peratus saja daripada kekayaan negara. Walaupun Bumiputera merangkumi 60 peratus penduduk negara ini, kita tidak tamak hingga kita nak sehingga 60 peratus.

"Kita cuma menetap sasaran 30 peratus. Ini tidak bermakna, jika kita capai 30 peratus, maka kita akan berhenti di situ. Tidak ada halangan bagi Bumiputera untuk meningkatkan lagi tahap itu sehingga 60 peratus tetapi 30 peratus lebih realistik," katanya.

Perdana Menteri berkata, penyertaan Bumiputera dalam sektor ekonomi perlu digerakkan lebih pesat dan pantas bagi mengimbangi kedudukan antara kaum kerana Bumiputera masih lemah.

"Sebab itu, adalah adil dan wajar kerajaan memberi bantuan kepada Bumiputera secukupnya dan ini kita tidak segan-segan mengakui bahawa memang kita mengamalkan diskriminasi untuk Bumiputera, bukan diskriminasi menentang kaum lain...tetapi untuk Bumiputera," katanya.

Bagaimanapun, katanya, agak malang apabila kegawatan ekonomi tercetus pada Julai 1997 menyebabkan ramai Bumiputera yang belum kukuh dan masih rapuh, menerima tekanan itu.

"Walaupun tekanan kegawatan ekonomi ke atas Malaysia tidak begitu perit seperti dihadapi negara lain, tetapi hakikatnya serangan itu memusnahkan usaha lebih 30 tahun kita untuk mengimbangkan kedudukan ekonomi antara kaum.

"Sekarang ini, kita perlu memulakannya semula. Walaupun kita tidak kembali ke pangkal jalan...kita cuma perlu balik separuh jalan, tetapi usaha yang perlu dibuat mestilah lebih dari dahulu.

"Jika tidak, mustahil kita akan dapat mengimbangkan kedudukan kaum dalam negara kita. Usaha ini akan dibuat sedaya upaya tetapi kerajaan memerlukan laporan daripada Bumiputera sendiri mengenai masalah yang dihadapi mereka," katanya.

Pada kongres itu, beliau turut mengingatkan usahawan Bumiputera supaya membuat persiapan termasuk mengubah budaya kerja bagi menghadapi era globalisasi.

"Hari ini, kita boleh mengekal pemilikan syarikat dan bank kerana kita menjaga kepentingan rakyat negara ini, menjaga kepentingan Bumiputera. Apabila globalisasi dilaksanakan sepenuhnya, maka sempadan kita tidak mempunyai makna lagi dan tidak akan jadi benteng untuk melindungi kita daripada serangan perniagaan syarikat gergasi dan bank dari luar negara.

"Hari ini pun, orang asing menuntut supaya mereka diberi hak untuk berniaga di negara ini tanpa apa-apa syarat dan sekatan. Sebagai anggota WTO, (kita) perlu akur dengan keputusan badan itu. Ini kerana kita tahu jika kita tidak terima keputusan mereka, mereka akan sekat dagangan kita.

"Inilah globalisasi mengikut tafsiran sekarang. Tidak ada pertimbangan diberi kepada negara sama ada kecil atau besar, sama ada kuat atau lemah," katanya.

Menurut Dr Mahathir, kuasa asing juga bercakap mengenai persaingan sama rata dalam perniagaan yang kononnya adil.

"Tapi kita rasa walaupun di padang yang rata, kalau si kerdil lawan dengan gergasi, yang gergasi pasti menang," katanya.

Dalam pada itu, katanya, Bumiputera sendiri perlu mengenal pasti kelemahan masing-masing yang menjadi faktor menggagalkan banyak usaha kerajaan untuk menolong mereka.

Dr Mahathir berkata, jika kelemahan itu tidak diatasi, segala usaha kerajaan tidak akan mencapai kejayaan, terutama dalam menghadapi globalisasi.

"Kalau tidak ada kekuatan dalaman, iaitu kekuatan kita sendiri, maka tak mungkin kita dapat mengimbangi kedudukan Bumiputera dengan kaum lain dalam alaf baru dan globalisasi," katanya.

(END)